

HCAPAN ALUAN OLEH
YANG DI-PERTUA BAKTI
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-8
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI RABU, 17HB. JULAI, 1985
PUKUL 2.30 PETANG

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Selamat Hari Raya Aidil Fitri. Saya berasa gembira dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala atas limpah kurniaNya kita dapat berkumpul untuk menyempurnakan tanggungjawab kita sebagai ahli-ahli BAKTI pada petang ini.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian puan-puan sekalian melapangkan masa untuk hadir ke majlis pada petang ini; bagi pihak BAKTI dan diri saya sendiri mengucapkan selamat datang kepada tetamu kehormat kita iaitu Yang Berbahagia Puan P. G. Lim.

3. Semenjak Mesyuarat Agung BAKTI yang lalu, BAKTI telah menjemput wanita-wanita yang terkenal di tanahair untuk melakukan upacara perasmian Mesyuarat Agung BAKTI. Pada tahun ini, seorang lagi wanita Malaysia diberi penghormatan, dan BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Puan P. G. Lim atas kesudian beliau menerima jemputan BAKTI ini.

4. Puan P. G. Lim, adalah sebutan nama yang terkenal bukan sahaja di tanah air kita bahkan di arena antarabangsa. Beliau berkelulusan Master of Arts dari University Cambridge, Barrister at Law dari Lincoln's Inn dan Advocate

and Solicitor di Malaysia. Beliau telah menceburkan diri dengan giatnya dalam bidang guaman dan hak-hak pekerja dan wanita. Beliau pernah menjadi Ahli Royal Commision, Malaysia on Reform of Marriage and Divorce Laws dan Ahli dalam berbagai badan seni dan Majlis Perundingan Kebangsaan atau National Consultative Council.

5. Dalam arena antarabangsa pula, Puan P. G. Lim muncul sebagai wakil Bar Council Malaysia dalam beberapa Persidangan International Commision of Jurists di Australia, Papua New Guinea dan Sri Lanka. Di Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations), beliau mula menjalankan tugasnya sebagai Wakil Malaysia dan pada tahun 1971-1973, sebagai Duta dan Timbalan Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam dua tahun itu, beliau diberi penghormatan sebagai Naib Presiden Economy and Social Council Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga Pengerusi, Social Commision dalam Majlis itu juga.

6. Selepas bertugas di Bangsa-Bangsa Bersatu, beliau telah dilantik sebagai Duta Wanita Malaysia yang pertama ke Yugoslavia dan Austria pada tahun 1973 dan di situ juga Puan P. G. Lim telah memegang jawatan yang istimewa sebagai Wakil Tetap Malaysia dalam United Nations Industrial and Development Organisation (UNIDO) dan International Atomic Energy Agency (IAEA) di Vienna.

7. Pada tahun 1977, Puan P. G. Lim telah dilantik sebagai Duta Malaysia ke Belgium dan Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C). Beliau kembali ke tanahair pada tahun 1979. Sekarang ini beliau dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai Pengarah Pusat Timbangtara Serantau yang juga melibatkan beliau dengan negara-negara antarabangsa.

8. BAKTI bersama-sama berasa bangga atas kejayaan Puan P. G. Lim sebagai seorang wanita, profesyenal dan wakil Malaysia yang terkemuka yang sukar ada bandingannya. Saya

mengucapkan tahniah kepada beliau dan berharap jasa-jasanya akan berterusan demi kepentingan negara.

9. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit ringkasan mengenai BAKTI untuk makluman Puan P. G. Lim. BAKTI sekarang berusia 8 tahun dan diwujudkan dengan tujuan utama mengumpulkan isteri-isteri pemimpin negara supaya berkenal-kenalan dan supaya dapat berkhidmat bakti kepada orang ramai. Cara berkenal-kenalan itu adalah melalui berbagai aktiviti. Enam buah Jawatankuasa kecil yang mengumpul ahli-ahli dalam bidang pendidikan, kebudayaan, sukan dan penulisan. Sementara cara beramal bakti ialah melalui projek kutipan derma dan menaburkan hasil kutipan ini melalui Jawatankuasa Kebajikan, Bencana Alam dan Dermasiswa BAKTI.

10. Syukur Alhamdulillah, sambutan orang ramai terhadap rayuan BAKTI amat memuaskan dan ini adalah hasil kerjasama dan kerja kuat. ahli-ahli BAKTI mengutip wang untuk tujuan yang murni. BAKTI kerap kali dituduh sebagai 'Exclusive Club' yang sentiasa membolot derma dari firma dan syarikat sehingga badan-badan lain tidak berpeluang mengutip derma. Saya ingin jelaskan di sini bahawa BAKTI adalah sama juga 'exclusive'nya seperti badan-badan wanita yang lain dan kami mengutip derma semata-mata untuk kebajikan dan tidak untuk gunaan ahli-ahli sendiri. BAKTI tidak lagi mengutip derma tiap-tiap tahun seperti dahulu, bahkan selang setahun sekali sahaja.

11. Laporan yang lengkap telahpun dicetak dalam Buku Laporan Tahun 1984/85 untuk makluman para hadirin.

12. Sekian sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya bagi pihak BAKTI mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Puan P. G. Lim dan mengucapkan terima kasih atas kesudian beliau untuk merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI ke-8 tahun ini.

Terima kasih.